



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتِنِ هَالِ اَلْاِمْـلِ اَلْاِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

10 MUHARRAM 1445H/ 28 JULAI 2023M

ANAK KURANG BERADAB, BUKAN SALAH IBU MENGANDUNG

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 26/07/2023

PEGAWAI PENYEMAK :

ADAM BIN ABDUL HAI
Unit Baitul Akhram
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Monon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 26/07/2023

DIBACA PADA : 28/07/2023

DILULUSKAN OLEH : BAHARUDIN H. ALMI

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA

“ ANAK KURANG ADAB BUKAN SALAH IBU MENGANDUNG ”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا طَحَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا ط... ١٥

(سورة الأحقاف (46): 15)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ

الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى

يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi perintah-Nya serta meninggalkan larangan-Nya, dan takutilah akan hari akhirat yang

padanya seseorang ibu atau bapa tidak dapat menyelamatkan anaknya dari azab dosanya, begitu juga sebaliknya seorang anak pula tidak dapat melepaskan ibu atau bapanya dari azab dosa masing-masing. Sesungguhnya, janji Allah itu adalah benar, maka janganlah terperdaya dengan kehidupan dunia, dan janganlah terperdaya dengan bisikan dan ajakan syaitan yang boleh menyebabkan kita berani melanggar perintah Allah SWT.

Mimbar hari ini akan memperkatakan khutbah yang bertajuk ***“Anak Kurang Beradab, Bukan Salah Ibu Mengandung.”***

KAUM MUSLIMIN TETAMU ALLAH YANG MULIA!

Pastinya banyak perkara berkaitan peranan serta sumbangan para ibu akan dibawa ke pengetahuan umum khususnya mengenai jasa dan pengorbanan mereka. Setiap detik adalah saat dan ketikanya kita dituntut untuk memperingati dan menghargai jasa dan pengorbanan kaum ibu kerana merekalah yang melahirkan kita ke dunia ini atas kurnia dan izin Allah SWT.

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa seorang lelaki datang menemui Rasulullah SAW lalu bertanya: *“Siapakah manusia yang paling berhak untuk aku layan dengan sebaik-baiknya?”*

Baginda menjawab, “Ibu kamu.”

Dia bertanya lagi: “Kemudian siapa?”

Baginda menjawab lagi, “Ibu kamu.”

Dia menambah lagi pertanyaannya, “Kemudian siapa?”

Baginda menjawab untuk kali yang ketiga: “Ibu kamu.”

Dia bertanya lagi, "Kemudian siapa?"

Baginda menjawab, "Bapa kamu."

(HR. Bukhari)

Berpandukan mafhum hadis tersebut, adalah jelas seorang ibu memiliki hak tiga kali ganda berbanding seorang bapa untuk diberikan perhatian dan layanan dengan sebaik-baiknya oleh seseorang anak. Ini kerana ibunya telah mengandungkan dengan menanggung kepayahan dan apabila tiba masa melahirkan juga dengan menanggung susah payah. Ini mengisyaratkan betapa besarnya tanggungjawab seorang anak untuk memuliakan ibu yang melahirkan dan membesarkannya dari sejak kecil lagi.

Di dalam al-Quran, banyak ayat yang menyentuh tentang tanggungjawab serta peranan seorang anak untuk berbakti dan berbuat baik kepada ibu dan bapanya. Malah perkataan ibu dan bapa sering disebut secara beriringan. Ini membuktikan bahawa tanggungjawab seorang anak terhadap kedua-dua ibu bapanya tidak boleh dipertikaikan sepertimana firman Allah menerusi surah al-Isra, ayat 23:--

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ

أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا (۲۳)

Maksudnya: "Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau

kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)."

SAUDARA JAMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT!

Seorang ibu mampu menjaga dan memelihara anaknya yang ramai tanpa merasa terpaksa dan dipaksa. Tetapi anak yang ramai tidak berupaya belum tentu menjaga dan memelihara ibunya yang seorang sebaik mungkin. Malah ada di antara adik-beradik yang ramai itu saling harap-mengharapkan antara satu sama lain bagi mengambil tanggungjawab dan peranan menjaga atau memelihara kedua orang tua mereka.

Antara alasan popular yang kerap diberikan bagi menjustifikasikan kesukaran mereka memberi perhatian dan penjagaan yang sewajarnya kepada kedua ibu bapa ialah sibuk dan tinggal berjauhan. Lantas ada anak yang sampai hati menghantar orang tua mereka ke rumah-rumah kebajikan yang menempatkan golongan warga emas.

Lebih mendukacitakan, ada anak yang bukan sahaja tidak menghormati ibu bapa dengan mengherdik dan menengking mereka, malah tergamak mengugut mencederakan mereka jika kemahuan atau permintaannya tidak ditunaikan. Bahkan, dalam beberapa insiden ada ibu atau bapa yang menemui ajal angkara perbuatan anak yang berang dan tidak

berperikemanusiaan. Jadi, apakah sikap serta tabiat anak yang kurang ajar dan biadab itu berpunca daripada ibu yang mengandungkan mereka?

JAMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA!

Selain pengaruh rakan sebaya dan media sosial, sikap anak-anak atau generasi muda yang kurang adab dan tidak menghormati orang tuanya juga berpunca daripada kurangnya fokus terhadap aspek pemberian Pendidikan dan asuhan yang baik dan sempurna. Memberikan pendidikan serta contoh teladan yang sebaik mungkin kepada anak-anak merupakan antara penzahiran kasih sayang sekali gus berperanan membentuk sahsiah, akidah, keintelektualan dan emosi anak-anak. Warna yang dicorakkan oleh ibu bapa ke atas anak-anak mereka yang diumpamakan sebagai kain putih itu menjadi penentu sama ada mereka tergolong sebagai Yahudi, Nasrani mahupun Majusi. Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud:

“Setiap bayi yang lahir adalah suci fitrahnya. Ibu bapalah yang menjadikan mereka Yahudi, Nasrani ataupun Majusi.”

(HR Bukhari dan Muslim)

Mafhum sabda Rasulullah SAW tersebut, menjadi isyarat tentang tanggungjawab serta peranan ibu bapa ataupun penjaga dalam membimbing serta mendidik anak-anak berlandaskan akidah, syariah dan akhlak islamiah. Penekanan ini sejajar dengan pendidikan yang diterapkan oleh Luqman kepada anaknya sebagaimana terakam di dalam al-Quran:--

يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَيَّ مَا أَصَابَكَ^ط

إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

Maksudnya: "Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya."

(QS. Luqman (31):17)

PARA JAMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT!

Menerusi ayat yang dibacakan sebentar tadi, kewajipan mendirikan solat bagi seorang kanak-kanak sebaik sahaja mereka berumur tujuh tahun. Mereka perlu diajar serta dibimbing tatacara solat yang betul. Jika anak-anak tidak juga mengerjakan solat setelah berumur sepuluh tahun, maka mereka bolehlah dipukul atau dirotan dengan tujuan memberi pengajaran. Inilah tatacara yang dianjurkan Nabi SAW melalui sabdanya yang bermaksud:

"Suruhlah anak-anakmu mengerjakan solat ketika mereka berusia tujuh tahun dan rotan mereka apabila enggan mengerjakan solat ketika berusia 10 tahun dan pisahkan tempat tidur mereka."

(HR. Abu Daud)

Tatacara ini dilaksanakan secara beradab, ada tatasusila dan konsisten, bukan melulu atas tujuan duniawi semata-mata. Ia dapat membina

kepercayaan dalam diri anak-anak akan keyakinan terhadap diri sendiri dan keyakinan juga bagi ibu bapa untuk anak menunaikan solat dalam hidupnya secara istiqamah.

Menyimpul khutbah minggu ini, khatib sekali lagi mengingatkan kepada diri khatib sendiri dan para jamaah Jumaat sekalian bahawa mencintai dan menyayangi anak-anak mestilah melalui didikan, teguran, nasihat dan juga panduan dalam kehidupan. jika ada perangai atau tingkah laku anak yang kurang sopan, jangan cepat salahkan mereka, tetapi sebaiknya salahkan dahulu diri sendiri selaku ibu bapa. Bermuhasabahlah dengan menanyakan diri sendiri, adakah kita memberikan kepada mereka pelajaran yang secukupnya atau tidak.

Disamping itu juga jangan lupa untuk terus istiqamah mendirikan solat dan berdoa memohon kepada Allah SWT supaya dikurniakan isteri dan anak-anak yang beriman dan beramal soleh. Firman Allah SWT dalam surah al-Furqan, ayat 74:--

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ

إِمَامًا

Yang bermaksud: *"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa."*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com